



# KENYATAAN MEDIA

PENGARAH  
JABATAN AGAMA ISLAM SELANGOR

#islamicsaviourobedience

Ruj. Kami :  
Tarikh :

JAIS.UK.100-9/1/6 (80)  
28 Rabi'ul Awwal 1446H  
2 Oktober 2024M

## JAIS TANGKAP 108 INDIVIDU DISYAKI AHLI GISBH

SHAH ALAM, 2 Oktober 2024 - Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) sehingga kini telah membuat tangkapan terhadap 108 individu yang disyaki terlibat dengan Global Ikhwan Services and Business Holdings (GISBH) dalam pelbagai kesalahan berkaitan dengan jenayah syariah meliputi perkara berkaitan akidah, pungutan khairat tanpa kebenaran dan perkahwinan. Siri tangkapan ini dijangka akan berterusan melibatkan suspek-suspek yang disyaki dan telah dikenalpasti berdasarkan risikan, aduan dan maklumat yang diterima oleh pihak JAIS.


Sehingga kini, hasil siasatan terhadap 108 suspek, JAIS mendapati wujud beberapa fakta mengenai amalan dan kepercayaan suspek yang bercanggah dengan fatwa yang dikuatkuasakan, termasuklah amalan mempercayai beberapa perkara yang dikaitkan dengan pimpinan adalah sesuatu yang memberikan keberkatan kepada ahli dan membolehkan ahli masuk syurga, mengamalkan Aurad Muhammadiyah, percaya Abuya tidak mati dan berada di alam ghaib, mayat Abuya terapung kerana Allah angkat Abuya, Rasulullah SAW atau Abuya hadir dalam majlis-majlis tertentu anjuran kumpulan.

Siasatan juga mendapati bahawa perkahwinan dan perceraian diatur oleh pemimpin kumpulan dan menjalankan akad perkahwinan dengan cara ditentukan oleh pemimpin. Dapatan siasatan juga menunjukkan perkahwinan tidak dapat dibuktikan dengan keterangan dokumen yang sah dan perkahwinan antara anak dara dan teruna tanpa kebenaran Pendaftar Perkahwinan, Cerai dan Rujuk Orang Islam Negeri Selangor serta poligami yang dibuat tanpa kebenaran Mahkamah Syariah yang berbidang kuasa.

Situasi dan keadaan ini telah menyebabkan berlaku kecelaruan dalam penentuan nasab, status perkahwinan serta dokumentasi perkahwinan ibu bapa kanak-kanak (mangsa). Perkara ini dijangka memberi kesan terhadap kanak-kanak yang telah diselamatkan sebelum ini apabila mereka menginjak ke alam remaja dan dewasa kelak. Tidak mustahil keadaan ini berpotensi besar akan menjejaskan penentuan nasab dan memungkinkan berlakunya pernikahan yang fasid atau *wati' syubhah*.

Pada masa yang sama, JAIS telah dan sedang berkerjasama dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat, Jabatan Pendaftaran Negara serta agensi berkepentingan lain untuk mengenal pasti salasilah (*family tree*) sebahagian besar dari 435 kanak-kanak yang diselamatkan dalam Op Global.

Sekian, terima kasih.

  
(DATO' HAJI MOHD SHAHZIHAN BIN AHMAD) D.P.M.S, P.P.T.  
Pengarah  
Jabatan Agama Islam Selangor  
2 Oktober 2024